

Pakej lindungi pendeposit

PIDM rangka pelan menjelang Jaminan Deposit Kerajaan tamat hujung tahun

>>Oleh Sri Ayu Kartikawati Amri
kartika@hmetro.com.my

PERBADANAN Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sedang merangka satu pakej perlindungan kewangan pelanggan untuk melindungi kepentingan pendeposit sebagai persediaan menjelang tamatnya Jaminan Deposit Kerajaan pada 31 Disember ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jean Pierre Sabourin, berkata tahun lalu, pihaknya menumpukan kepada persediaan semua pendekatan, polisi dan prosedur selain membangunkan infrastruktur mapan bagi menangani pelbagai aspek intervensi dan resolusi kegagalan bank.

Beliau berkata, kali ini pakej perlindungan kewangan pe-



SABOURIN...lindungi pelanggan bank

langgan itu kelak bagi memastikan pendeposit dilindungi terhadap kehilangan deposit yang disimpan di bank.

"Pengalaman global baru-baru ini menunjukkan kesan krisis kewangan boleh menjadi besar dan memba-

wa petanda buruk dan ia menyedarkan kami untuk sentiasa bersedia sedia melaksanakan mandat kami pada bila-bila masa.

"Bagaimanapun, kami kini di peringkat akhir menyiapkan cadangan pakej perlindungan kewangan pelanggan dan pengumuman mengenai akan dibuat sebelum akhir tahun ini," katanya pada sidang media sempena penerbitan Laporan Tahunan 2009 PIDM di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, PIDM juga sudah mengemukakan beberapa cadangan khusus untuk dimuatkan dalam pakej itu kepada ahlinya.

Beliau berkata, bagi 2009 pula, PIDM menyempurnakan semua inisiatif utama mengikut bajet di samping terus mengukuhkan amalan tadbir urus yang mantap dan

menguruskan risiko dengan lebih efektif.

PIDM mencatatkan pendapatan RM139.4 juta iaitu pendapatan pelaburan (RM7.6 juta) dan premium (RM131.8 juta) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 manakala jumlah kumpulan dana insurans deposit PIDM pada akhir 2009 berjumlah RM369.9 juta dengan dana insurans deposit konvensional RM320.9 juta dan dana insurans deposit Islam (RM49 juta).

"PIDM komited untuk menyediakan maklumat menyeluruh mengenai operasinya dan usaha itu mendapat pengiktirafan apabila kami menerima anugerah Laporan Tahunan Terbaik (2008) daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA)," katanya.

| | |
|----------------|--------------|
| Newspaper..... | Harian Metro |
| Date..... | 7/5/2010 |
| Section..... | Bisnis |
| Page..... | 63 |